

Bil. (67) dlm. JK/IP.39/54-A

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
KAULA LUMPUR. 01-02.

Semua Yang Di Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kuching,
Sarawak.

Penolong Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR -'A' - Bil. 3/81

Minit-minit Mesyuarat/Laporan mengenai semua Mesyuarat yang berkaitan dengan Jabatan Kehakiman yang dihadiri oleh Dato'/Tuan/Puan.

Saya sedar bahawa kadang-kala Dato'/Tuan/Puan dikehendaki menghadiri mesyuarat-mesyuarat diperingkat Persekutuan atau negeri samada bagi mewakili Ketua Pendaftar atau Mahkamah-Mahkamah berkenaan berhubung dengan soal-soal projek-projek Pembangunan atau Pentadbiran atau lain-lainnya.

2. Berhubung dengan perkara ini kadangkala pihak Ibu Pejabat tidak mengetahui tentang perkembangan atau butir-butir yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat-mesyuarat tertentu yang dihadiri oleh Dato'/Tuan/Puan kerana laporan mengenai perkara tersebut tidak disampaikan kepada Pentadbiran ini.

3. Oleh yang demikian bermula dari sekarang tiap-tiap Pegawai yang menghadiri sebarang Mesyuarat samada berhubung dengan Pembangunan, Pentadbiran atau lain-lainnya bersangkutan dengan Jabatan Kehakiman adalah bertanggungjawab untuk mendapat atau mengemukakan minit Mesyuarat kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekiranya minit Mesyuarat tidak disediakan Pegawai yang berkenaan mestilah mengemukakan laporan ringkas bagi ganti minit Mesyuarat.

Demikian dimaklumkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.

T.T.:

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar.

s.k.

Ketua Pegawai Pentadbir.

Pegawai Pentadbir.

Pegawai Pembangunan.

Pegawai Kerja Am.

Pegawai Kerja Akaun,

WY/Tn.